

**PENDAKWAAN KOPERASI DINAMIK MALAYSIA BERHAD (KOPEDIK)
MAHKAMAH SESYEN (3) KOTA BHARU KELANTAN**

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Lawan

KHAIRUL AZIZI BIN RAMLI & IFAZIRAMZI BIN IBRAHIM

Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah memulakan pendakwaan terhadap Ahli Lembaga Koperasi Dinamik Malaysia Berhad di Mahkamah sesyen (3) Kota Bharu, Kelantan. Empat orang ALK Koperasi yang didakwa ialah:

- | | |
|--------------------------------------|---------------------------|
| 1. Khairul Azizi bin Ramli | Pengerusi KOPEDIK |
| 2. Nik Khairuddin bin Ibrahim | Setiausaha KOPEDIK |
| 3. Azam Hafizi bin Mustapha | Bendahari KOPEDIK |
| 4. Ifaziramzi bin Ibrahim | ALK KOPEDIK |

Kesemua mereka ini didakwa kerana melakukan satu perbuatan di bawah seksyen **50(e) Akta Koperasi 1993** yang merupakan satu kesalahan di bawah seksyen **91(1)(c)** akta yang sama dan boleh dihukum di bawah seksyen **91(2)** akta yang sama.

Pertuduhan terhadap mereka adalah bagi kesalahan mengambil pinjaman daripada 7 orang yang bukan anggota Koperasi Dinamik Malaysia Berhad berjumlah RM135,000.00 tanpa kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia, didapati Koperasi ini tidak pernah memohon kelulusan untuk mengambil pinjaman daripada bukan anggota sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 50(e) Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Dinamik Malaysia Berhad.

Pada 08/03/2011, Nik Mohamad Khairuddin dan Azam Hafizi iaitu Setiausaha dan Bendahari Koperasi ini telah mengaku salah atas pertuduhan dan dijatuhi hukuman denda RM6,000.00 setiap seorang.

Semasa perbicaraan pihak Pendakwaan telah mengemukakan seramai 18 orang saksi dan 34 ekshibit. Pada 29/05/2011, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan *prima facie* kes dan kedua-dua tertuduh dipanggil untuk membela diri. Kedua-dua OKT telah membela diri secara bersumpah.

Pada 27/07/2011, Mahkamah telah membuat keputusan bagi kes ini. Khairul Azizi disabitkan atas kesalahan ini dan didenda sejumlah RM30,000.00 (jika gagal bayar akan dipenjarakan selama 6 bulan). Manakala Ifaziramzi dibebaskan dan dilepaskan dari pertuduhan.

Pendakwaan:

Kamarulzaman bin Mohamad Buhari

Pasukan Penyiasatan:

- 1. Encik Mahmud bin Kadar**
- 2. Encik Mohd Fadzli bin Mat Lahim**
- 3. Encik Ismail bin Hamzah**
- 4. Insp. Mohd Redzuan bin Zainol Abidin**
- 5. Encik Rosli bin Othman**